

13/07/1999

Sukar memupuk setiakawan antara serumpun bangsa

ADALAH jelas bahawa perang saudara lebih sengit daripada peperangan antara dua pihak yang berbeza. Ini terbukti daripada apa yang berlaku di Amerika, Rusia, China dan England dahulu.

Juga sukar ialah untuk memulih dan memupuk setiakawan antara serumpun bangsa, apatah lagi yang mengalami penaklukan oleh pelbagai penjajah, umpamanya, penjajahan Inggeris di Malaysia, Belanda di Indonesia dan Sepanyol serta Amerika di Filipina. Tidak mudah biduk lalu kiambang bertaut.

Hal ini terfikir semula ketika membaca Rumpun Melayu-Polinesia terbitan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu bersama Institut Bahasa-Budaya Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia dengan makalah oleh pelbagai tokoh, termasuk Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Samad Idris, Profesor Tan Sri Ismail Hussein dan bekas Menteri Pertahanan Indonesia, Jeneral Benny Murdani.

Juga dimuatkan ialah perutusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Satu peristiwa beberapa waktu lalu menunjukkan betapa sukarnya memupuk setiakawan rumpun bangsa itu. Ia berlaku ketika lawatan ke Filipina oleh Datin Seri Dr Wan Azizah, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau diundang bekas Presiden Filipina, Cory Aquino dan organisasinya. Pada masa yang sama kesempatan diambil untuk sekali lagi berjumpa Presiden Estrada.

Lantas berlaku jawab-menjawab dan kritik serta jawapan dalam akhbar Malaysia serta Filipina. Lalu di Filipina diungkit kesekian kali tuntutan kerajaannya ke atas Sabah. Nampaknya setiap kali berlaku hal, maka tuntutan lama itu dibangkitkan semula dalam media Filipina dan oleh senatornya.

Walhal seperti disebut Samad dalam makalahnya, ketika sidang kemuncak Asean di Kuala Lumpur pada Ogos 1979, Presiden Marcos membuat pengumuman spontan hasrat Filipina untuk menggugurkan tuntutan itu.

Hal yang sama dinyatakan kemudiannya oleh Presiden Aquino sebelum satu sidang kemuncak lain 'walaupun Kongres Filipina meluluskan peta baru negaranya dengan mengeluarkan Sabah'.

Filipina dari dulu dianggap salah sebuah daripada negara-negara rumpun Melayu dan disebut mengenai lebih 10,000 perkataan yang sama sebutan dan maknanya antara Tagalog-Melayu.

Juga disebut mengenai gagasan Maphilindo yang dicanangkan Presiden Macapagal untuk merangkumi Filipina, Indonesia dan Malaysia.

Tetapi sebagaimana dikatakan, janji tinggal janji dan gagasan hilang tidak diketahui di mana kuburnya. Retorik berapi-api dan berbunga-bunga lesap begitu saja.

Antara Malaysia dan Indonesia pula berlaku konfrantasi anjuran Presiden Sukarno tetapi akhirnya kedua-duanya berbaik semula manakala Presiden Suharto mengambil alih kuasa dan rundingan damai berhasil setelah diusahakan Allahyarham Tun Razak, Tun Adam Malek, Jeneral Murdani dan Tan Sri Ghazali Shafie, antara lainnya.

Juga jelas ialah banyaknya perkara yang perlu dilakukan untuk merapatkan jurang antara kedua-duanya. Pertukaran bahan bacaan termasuk buku, majalah dan akhbar sebenarnya tidak berlaku. Pengarang-pengarang terbilang di Malaysia, termasuk sasterawan negara tidak dikenali di Indonesia. Sebaliknya pengarang-pengarang Indonesia disanjung di Malaysia seperti

Allahyarham Hamka, Chairil Anwar, Pramudya Ananta Toer, Mokhtar Lubis, Gunawan Muhamad dan ramai lagi.

Menarik perhatian dalam jurusan politik ialah catatan Ghazali Shafie mengenai satu lagi aliran perjuangan yang berlaku di dunia Melayu, iaitu yang dipandu oleh Marxisme. Tetapi ia tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu.

Sebaliknya ia mendapat sambutan di Pulau Jawa melalui kepimpinan D N Aidit hingga mendorong Presiden Sukarno mewujudkan gagasan Nasakom - Nasional, Agama dan Komunis. Dan, konfrantasi dilancarkan terhadap Malaysia.

Seperti termaklum di Indonesia, banyak sekali suku bangsanya, dan kita tidak dapat memastikan setakat mana penarikan rumpun Melayu bagi mereka.

Segalanya adalah akibat peristiwa masa lampau dan seperti kata Dr Mahathir, "Kita tidak boleh mengubah sejarah".

Wajar disebut ialah ucapan Jeneral Murdani atas mauduk "Perspektif Sejarah Hubungan Indonesia-Malaysia: Corak Persaingan dan Ancaman" dalam forum Dialog Pemuda Indonesia-Malaysia pada 15 Disember 1988. Tiada disebut anjuran rumpun Melayu dalam pidatonya yang panjang itu.

Dengan demikian memang wajar Profesor Tan Sri Ismail Hussein, ketua Gapena, memberi penjelasan mengenainya ketika berucap di Universiti Gajah Mada pada suatu masa dulu, manakala menyebut, "Melayu itu dari satu segi bukanlah satu istilah politik atau istilah biologi tapi, satu istilah kebudayaan - malah a state of mind".

Demikian juga penjelasan beliau mengenai bahasa Melayu-Indonesia memungkinkan membina tradisi intelektual yang besar.

Ada hal yang tidak boleh diwujudkan dengan pantas tapi mengambil masa dan juga memerlukan tekad serta kesabaran.

(END)